

P R E S S R E L E A S E

Listed corporations to ensure that financial statements comply with approved accounting standards

The Securities Commission (SC) wishes to announce that the Securities Industry (Compliance with Approved Accounting Standards) Regulations 1999 came into force on 18 June 1999. These regulations apply to the financial statements or accounts of listed corporations for the financial period ending on or after 30 June 1999.

The regulations are intended to enhance the quality of information disclosed by listed corporations in their financial statements and to ensure that accounting standards issued by the Malaysian Accounting Standards Board (MASB) are strictly complied with. This is in line with the Commission's developmental efforts to bring about greater accountability, transparency and better corporate governance in the interests of investor protection.

These regulations require every listed corporation, its directors and chief executive to prepare and present its financial statements in accordance with approved accounting standards. The 'approved accounting standards' referred to above are accounting standards which are issued by the MASB under subsection 7(1) of the Financial Reporting Act 1997.

As a matter of policy the Commission has decided that the term 'financial statements' is to encompass the following:

- (a) balance sheet;
- (b) income statement;
- (c) a statement showing either:
 - (i) all changes in equity; or
 - (ii) changes in equity other than those arising from capital transactions with owners and distributions to owners;
- (d) cash flow statement; and
- (e) accounting policies and explanatory notes.

In addition, every director of a listed corporation shall ensure that the accounts of the corporation when laid before the annual general meeting are made out in accordance with approved accounting standards. Failure to comply with these regulations is an offence.

P R E S S R E L E A S E

In the event of any failure to comply with approved accounting standards, the Commission may direct a listed corporation, its directors or chief executive:

- to rectify the relevant financial statements or accounts in order to ensure compliance with approved accounting standards;
- to provide relevant undertakings to the Commission with regard to compliance with the approved accounting standards; or
- to make such announcement as the Commission deems fit in relation to the non compliance or the rectification required.

Where the Commission has issued a direction to a listed corporation to rectify the relevant financial statements or accounts, the listed corporation, its directors or chief executive, as the case may be, shall submit the rectified financial statement or accounts to the Commission. The rectified accounts may also be provided to any person as the listed corporation, its directors or chief executive deems fit. Failure to comply with any direction of the Commission or breach of an undertaking provided by the listed corporation, its directors or chief executive is an offence under the regulations.

In ensuring compliance with accounting standards, the Commission will actively initiate scrutiny of the financial statements of listed corporations. The aim of the Commission in this regard is to secure quality financial information. For this reason, enforcement by the Commission will be carried out initially through active discussions and voluntary agreement on the type of remedial actions to be taken by affected corporations.

However failure by the relevant corporations, directors or management to address deficiencies in their financial statements after all these consultative processes will result in the Commission taking appropriate actions against the listed corporations, its directors or management as permitted by law. Such recourse will be sought where the Commission arrives at the conclusion that non-compliance has occurred and that the corporation has failed to provide an acceptable explanation for the non-compliance or that the corporation has failed to take the relevant remedial actions stipulated by the Commission.

SECURITIES COMMISSION
21 June 1999

P R E S S R E L E A S E

Syarikat tersenarai mesti memastikan penyata kewangan patuh kepada piawaian perakaunan yang telah diluluskan

Suruhanjaya Sekuriti (SC) ingin mengumumkan bahawa Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Pematuhan kepada Piawaian Perakaunan yang Diluluskan) 1999 telah berkuatkuasa pada 18 Jun 1999. Peraturan ini adalah berkaitan penyata kewangan atau akaun syarikat tersenarai bagi tahun kewangan berakhir pada atau selepas 30 Jun 1999.

Peraturan ini diharap dapat mempertingkatkan mutu maklumat yang didedahkan oleh perbadanan tersenarai di dalam penyata kewangan mereka serta memastikan pematuhan ketat kepada piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).. Ini adalah sejajar dengan usaha pembangunan Suruhanjaya bagi mencapai kebertanggungjawapan, ketelusan dan pentadbiran korporat yang baik untuk kepentingan perlindungan pelabur.

Peraturan-Peraturan ini memerlukan semua perbadanan tersenarai, pengarah dan ketua eksekutif mereka untuk menyediakan dan mengemukakan penyata kewangan menurut piawaian kewangan yang diluluskan. 'Piawaian kewangan yang diluluskan' yang dimaksudkan di atas adalah piawaian kewangan yang dikeluarkan oleh MASB di bawah subseksyen 7(1) Akta Laporan Kewangan 1997.

Secara dasarnya, Suruhanjaya telah memutuskan bahawa istilah 'penyata kewangan' akan merangkumi penyata-penyata yang berikut:

- (a) kunci kira-kira
- (b) penyata pendapatan
- (c) satu penyata yang menunjukkan sama ada:
 - (i) semua perubahan dalam ekuiti; atau
 - (ii) perubahan dalam ekuiti selain daripada perubahan yang timbul daripada urus niaga modal bersama pemilik dan pengagihan kepada pemilik;
- (d) penyata aliran tunai; dan
- (e) polisi perakaunan dan nota penjelasan.

Selain itu, semua pengarah perbadanan tersenarai akan memastikan bahawa akaun syarikat apabila dikemukakan di mesyuarat agung tahunan adalah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan. Kegagalan mematuhi peraturan ini adalah merupakan satu kesalahan. Di dalam situasi di mana terdapat kegagalan mematuhi

P R E S S R E L A S E

piawaian perakaunan yang diluluskan, Suruhanjaya boleh mengarahkan perbadanan tersenarai, pengarah dan ketua eksekutif mereka:

- untuk membetulkan penyata kewangan atau akaun yang berkaitan bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan;
- untuk menyediakan bagi Suruhanjaya langkah-langkah yang akan mereka ambil berkaitan pematuhan piawaian perakaunan yang diluluskan; atau
- untuk membuat pengumuman yang sewajarnya sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Suruhanjaya berkaitan ketidakpatuhan atau pembetulan yang diperlukan.

Di dalam keadaan di mana Suruhanjaya telah mengeluarkan arahan kepada perbadanan tersenarai untuk membetulkan penyata kewangan atau akaun yang berkaitan, perbadanan tersenarai, pengarah atau ketua eksekutif perbadanan tersebut, sebagaimana yang relevan, harus menyerahkan penyata kewangan atau akaun yang telah dibetulkan kepada Suruhanjaya. Akaun yang telah dibetulkan ini boleh juga diberikan kepada mana-mana pihak yang dianggap sesuai oleh perbadanan tersenarai, pengarah-pengarah atau ketua eksekutif mereka. Kegagalan untuk mematuhi mana-mana arahan Suruhanjaya atau pelanggaran akujanji yang disediakan oleh syarikat tersenarai, pengarah atau ketua eksekutif mereka merupakan satu kesalahan di bawah peraturan-peraturan tersebut.

Untuk memastikan pematuhan kepada piawaian-piawaian perakaunan, Suruhanjaya akan memulakan penelitian aktif penyata kewangan perbadanan tersenarai. Matlamat Suruhanjaya dalam hal ini adalah untuk menjamin maklumat kewangan yang bermutu. Untuk tujuan ini, penguatkuasaan oleh Suruhanjaya akan dilaksanakan pada peringkat awalnya melalui perbincangan aktif dan persetujuan secara sukarela tentang jenis langkah pemulihan yang harus diambil oleh perbadanan yang terlibat.

Namun demikian kegagalan perbadanan yang relevan, pengarah-pengarah atau pengurusannya untuk menangani kekurangan di dalam penyata kewangan mereka selepas melalui semua proses perundingan akan mengakibatkan Suruhanjaya mengambil tindakan bersesuaian terhadap syarikat tersenarai berkenaan, pengarah-pengarah atau pengurusan mereka sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang. Tindakan tersebut akan diambil apabila Suruhanjaya mencapai kesimpulan bahawa ketidakpatuhan telah berlaku dan bahawa perbadanan tersebut telah gagal menyediakan penjelasan yang boleh diterima bagi ketidakpatuhan tersebut atau perbadanan tersebut telah gagal mengambil langkah pemulihan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

SURUHANJAYA SEKURITI
21 Jun 1999